



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**30 Mac 2024
19 Ramadan 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo	• Obor-obor merah 'serang' pantai
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Awani	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	15	30.3.2024

Kosmo SABTU 30 MAC 2024

Negara! 15



RIBUAN obor-obor merah terdampar di pantai Kampung Jangkit di Kuala Penyu baru-baru ini.

Hidupan marin terdampar akibat kenaikan suhu air laut kesan cuaca panas

Obor-obor merah 'serang' pantai

Oleh IVAN AMIRUL

KOTA KINABALU – Kenaikan suhu air laut ekoran cuaca panas melanda Sabah ketika ini dipercayai menjadi punca kemunculan ribuan obor-obor berwarna kemerahan yang ditemui terdampar di pantai Kampung Jangkit, Kuala Penyu, dekat sini baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Perikanan Sabah, Azhar Kasim berkata, obor-obor berkenaan dikenal pasti sebagai obor-obor tomat atau nama saintifiknya *lobonemoides robustus*.

"Spesies obor-obor tersebut bagaimanapun dikatakan tidak berbisa, namun boleh mengakibatkan gatal pada kulit jika tersentuh.

Jabatan Perikanan sudah menghantar anggota dari Pejabat Perikanan Kuala Penyu ke kawasan kejadian untuk membuat pemantauan.

"Hal ini kerana kejadian ribuan



OBOR-OBOR tomat atau nama saintifiknya *lobonemoides robustus* yang terdampar di pantai Kampung Jangkit baru-baru ini.

obor-obor yang terdampar itu adalah luar biasa," katanya dalam kenyataan semalam.

Jelas Azhar, lokasi kejadian

ribuan obor-obor terdampar itu ialah di sepanjang tiga kilometer pesisir pantai Kampung Jangkit, Kuala Penyu, dekat sini.

“

Kejadian turut dipengaruhi faktor air pasang dan air surut yang mendadak menyebabkan obor-obor tersebut terperangkap dan terdampar di pantai.”

AZHAR

Beliau berkata, penduduk memaklumkan obor-obor yang terdampar dalam jumlah yang banyak seumpama itu adalah pertama kali berlaku.

Azhar berkata, berdasarkan penelitian pihaknya, kepadatan populasi obor-obor yang luar biasa itu disebabkan peningkatan

tan kadar pembiakan obor-obor berikutan kenaikan suhu air laut.

"Ia juga berkait rapat dengan kewujudan sumber makanan seperti zooplankton, crustacea kecil dan anak ikan di kawasan perairan tersebut.

"Kejadian turut dipengaruhi faktor air pasang dan air surut yang mendadak menyebabkan obor-obor tersebut terperangkap dan terdampar di pantai," katanya.

Sementara itu, Azhar meminta orang awam agar tidak perlu risau mengenai kemunculan obor-obor berkenaan kerana ia adalah jenis hidupan marin yang mudah mati dan hancur.

Terdahulu, beberapa gambar dan video tular di media sosial menunjukkan ribuan obor-obor terdampar di sepanjang pantai menyebabkan kawasan tersebut kelihatan berwarna kemerahan kerana dipenuhi hidupan marin itu.